



Buletin S.U.K. بولتین KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Bil. 02 / 2020 Edisi Julai - September Laman Web Rasmi • www.kelantan.gov.my



- I PERTEMUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI PETRONAS
- I MAJLIS MAKAN MALAM JASAMU DIKENANG
- I PERSIDANGAN PENTADBIR-PENTADBIR TANAH NEGERI KELANTAN



PENAUNG

YB. Dato' Kaya Setia
Datuk Nazran bin Muhammad
Setiausaha Kerajaan Kelantan

PENASIHAT

Dato' Hj Tengku Azmi bin Hj Tengku Jaafar
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

KETUA EDITOR

Pn. Fatimah binti Mohd Noor

EDITOR

Tn. Hj. Wan Mohd Shuhaimi bin Wan Mustapha
Tn. Hj. Mohd Farid bin Dato' Hj. Abdul Razak
Tn. Hj. Ahmad Adlee bin Yasin
En. Nik Rahimin bin Wan Hussin
Tn. Hj. Mohd Zaki bin Yusof
En. Nik Khairul Anuar bin Nik Yusoff
Tn. Hj. Mohamad bin Othman
En. Mahzan bin Che Mohamad
En. Nik Mahmud bin Nik Jaffar
En. Nik Azhar bin Nik Abdul Aziz

KETUA PENYELARAS PENERBITAN

Pn. Nur Hidayah binti Ramli

PENYELARAS PENERBITAN

En. Idham Mahdi bin Ismail

JURUGAMBAR

En. Mohamed Faredi bin Nawawi

ALAMAT SURAT MENYURAT

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Korporat
Aras 2, MABNA MBI Blok 8
Kompleks Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU
KELANTAN

EMAIL

korporat@kelantan.gov.my
buletinsuk@gmail.com

TEL

09-748 1957

FAX

09-744 3203

PEREKA BENTUK

Uni Press,
Lot 104, Jln. Pencawang TNB,
Off Jalan Sultan Yahya Petra,
15150 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
Tel: 09-7434924 Faks.: 09-7434925
E-mel: unipress79@gmail.com

KANDUNGAN

3



Sambutan Bulan
Kebangsaan
dan Kibar Jalur
Gemilang Peringkat
Negeri Kelantan
Tahun 2020

6



Exit Conference
Penyata
Kewangan
Kerajaan Negeri
Kelantan Tahun
2019

9



Majlis Penutup
Program Kelestarian
Alam Sekitar

13



YTM Tengku Mahkota
Kelantan Berangkat Ke
Jajahan Tumpat

22-27



Berita Bahagian
Pejabat SUK



**SILA SCAN
QR CODE INI**

MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2020

Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2020 telah diadakan pada 28 Julai 2020 bertempat di Dataran Kompleks Kota Darulnaim. Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob - Menteri Besar Kelantan.

Program ini dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan Negeri Kelantan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan. Turut hadir adalah Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Mohd Amar Abdullah, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, YB Dato' Kaya Setia Datuk Nazran Muhammad dan Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Kelantan, Encik Lim Ann Teck.

Program Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang dengan Tema "Malaysia Prihatin" merupakan acara tahunan sempena ketibaan bulan kemerdekaan 31 Ogos 2020. Program tersebut turut diserikan dengan lagu Negaraku yang dimainkan oleh Pancaragam 8 Briged dan pelepasan 63 buah kenderaan jabatan yang dihiasi dengan bendera Jalur Gemilang.

Dalam ucapan YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan, "Apa yang cukup membanggakan, kita dapat menyaksikan kerjasama erat seluruh rakyat Malaysia yang berganding bahu memerangi pandemik COVID-19 yang terdiri daripada pasukan perubatan, pihak keselamatan, penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang perseorangan. Inilah semangat perpaduan semua yang kita impikan agar Malaysia terus kekal dalam suasana aman dan damai dalam masyarakat yang majmuk. Untuk itu, Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak."

Selain menyampaikan ucapan perasmian, Menteri Besar turut menyampaikan Jalur Gemilang kepada Ketua Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Badan Beruniform, Agensi Swasta, dan kepada wakil pelajar. Semoga program ini meningkatkan lagi semangat patriotik khususnya di kalangan kakitangan kerajaan dan seluruh rakyat amnya.



PERTEMUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI PETRONAS


18 Zulkaedah 1441H/ 10 Julai 2020: YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar telah mengadakan pertemuan bersama pengurusan tertinggi Petronas di ibu pejabat Petronas di KLCC. YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar disambut oleh YBhg Datuk Ahmad Nizam b. Salleh, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Petronas serta YM Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas.

Pelbagai isu dibincangkan secara bersama demi kesejahteraan rakyat negeri Kelantan khususnya. YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan mengucapkan tahniah kepada YM Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz yang dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas yang baharu. Turut hadir YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri dan YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri dan YM Dato' Tengku Kaya Perkasa Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).



MESYUARAT JAWATANKUASA MAJLIS ORANG-ORANG BESAR DIRAJA KELANTAN BILANGAN I TAHUN 2020

24 ZULHIJJAH 1441H / 14 OGOS 2020
EXECUTIVE BOARDROOM, ROYAL CHULAN HOTEL



MESYUARAT AGUNG MAJLIS ORANG-ORANG BESAR DIRAJA KELANTAN BILANGAN I TAHUN 2020

25 ZULHIJJAH 1441H / 15 OGOS 2020
EXECUTIVE BOARDROOM, ROYAL CHULAN HOTEL



EXIT CONFERENCE PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN TAHUN 2019

Kompleks Kota Darulnaim, 05 Zulhijjah 1441H bersamaan 26 Julai 2020 telah diadakan Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2019 bertempat di Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim. YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan telah mempengerusikan mesyuarat tersebut yang mana telah dihadiri oleh YBhg. Timbalan Ketua Audit Negara, YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan serta pegawai-pegawai atasan kerajaan negeri Kelantan.



BENGKEL KOMPUTERISASI **PEMBERIMILIKAN TANAH** **DAN PEMBENTANGAN** PENILAIAN KOMPETENSI

11 MUHARRAM 1442H / 30 OGOS 2020

BALLROOM 1, TINGKAT 6, THE GRAND RENAI HOTEL, KOTA BHARU

Disempurnakan Oleh YB Dato' Kaya Setia Datuk Nazran Bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan





PROGRAM KELESTARIAN "Malaysiaku Indah"

18 Muharram 1442H / 6 september 2020: Taman Wetland, Putrajaya, YB. Dato' Kaya Setia Datuk Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan merangkap Penasihat Puspanita Negeri Kelantan bersama isteri YBhg. Datin Kaya Setia Datin Dr. Hj. Wan Nazariah binti. W. Hassan, Pengerusi Puspanita Cawangan Negeri Kelantan telah menghadiri Program Kelestarian Malaysiaku Indah" anjuran PUSPANITA Kebangsaan yang dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara.

Di dalam program ini YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan telah menyempurnakan acara kayuhan basikal sejauh 7.5km bersama YBhg Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Kementerian, YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Exco-exco MAKSAK.

Turut hadir adalah YBhg. Puan Sri Norizam binti Che Mohd Nor, Yang Dipertua PUSPANITA. Program ini turut dimeriahkan dengan acara senamrobik, kayuhan basikal, menaiki tram mengelilingi pokok dan penyerahan 1 pokok/ 1 cawangan. Kumpulan PUSPANITA Negeri Kelantan juga telah dinobatkan sebagai pemenang tempat ke 3 daripada 35 cawangan PUSPANITA didalam acara Puspa Green Explorace yang diadakan di sekitar taman berkenaan.





MAJLIS PENUTUP PROGRAM KELESTARIAN ALAM SEKITAR

“SMART-PARTNERSHIP” PEJABAT SUK KELANTAN BERSAMA PUSPANITA NEGERI KELANTAN, AGENSI KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN BADAN SOASTA

Pantai Bisikan Bayu, Pasir Puteh: 22 Muharram 1442H bersamaan 10 September 2020, YB. Dato Kaya Setia Datuk Nazran Bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan telah hadir merasmikan Majlis Penutup Program Kelestarian Alam Sekitar: Smart-Partnership Pejabat SUK Kelantan Bersama PUSPANITA Negeri Kelantan, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Badan Swasta.

Jabatan dan Agensi Kerajaan yang merupakan rakan kerjasama program ini adalah Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat SUK Kelantan, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh, Majlis Daerah Pasir Puteh, Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Alam Sekitar Negeri dan Kelantan Utilities Mubaraakan Holding Sdn. Bhd. Terdapat banyak kemudahan yang telah ditambahbaik di kawasan pantai bisikan bayu ini sempena dengan penganjuran program yang telah disumbang oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, Ahli Parlimen Pasir Puteh dan serta beberapa badan swasta.

Turut hadir didalam program ini adalah YBhg. Datin Kaya Setia Datin Hj. Dr. Wan Nazariah Bf. Wan Hassan, Pengerusi PUSPANITA Negeri Kelantan, Ketua Jajahan Pasir Puteh, YDP Majlis Perbandaran MPKB-BRI dan Ketua Jabatan/agensi yang lain.



Berita Utama

Pada Sabtu, 12 September 2020, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Kelantan telah mengadakan Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang kepada Pegawai Tadbir Negeri (PTN) yang telah dan akan bersara untuk tahun 2020. Majlis tersebut telah diadakan di Grand Ballroom, Aras 6, Hotel Grand Renai. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Kaya Setia, Setiausaha Kerajaan Kelantan. Turut hadir memeriahkan majlis tersebut adalah YBhg Datin Kaya Setia serta Datin dan isteri pegawai kanan kerajaan.

Majlis dimulai dengan bacaan doa oleh Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perumahan. Seterusnya ucapan oleh YBrs En Norazmi mewakili pesara PTN. Ucapan perasmian telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Kaya Setia, Setiausaha Kerajaan Kelantan dan seterusnya YB Dato' telah menyampaikan cenderahati kepada 10 orang PTN yang telah dan akan bersara untuk tahun 2020. Dimajlis itu juga para tetamu disajikan dengan persembahan dari pasukan pancaragam BASUKA.



MAJLIS MAKAN MALAM JASAMU DIKENANG PEGAWAI TADBIR NEGERI KELANTAN TAHUN 2020



PERSIDANGAN PENTADBIR-PENTADBIR TANAH NEGERI KELANTAN

30 MUHARRAM DAN 1 SAFAR 1442H / 18-19 SEPTEMBER 2020
HOTEL CONCORDE, KUALA LUMPUR

Persidangan Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan telah diadakan pada 18 hingga 19 September 2020 bertempat di Hotel Concorde Kuala Lumpur. Persidangan ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Dato' Nazran Bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Persidangan ini juga turut dihadiri oleh YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan, YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan, YM Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Kelantan, YM. Dato' Tengku Kaya Perkasa Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Kelantan dan Ketua-ketua Jajahan, Timbalan Ketua-ketua Jajahan dan Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Persidangan ini merupakan platform perjumpaan dan perbincangan semua Pentadbir Tanah seluruh Negeri Kelantan dan juga Ketua-ketua Jajahan bagi membincangkan mengenai kecemerlangan Pentadbiran Tanah Negeri Kelantan.

BENGKEL



PERSIDANGAN PENTADBIR-PENTADBIR TANAH NEGERI KELANTAN

30 MUHARRAM DAN 1 SAFAR 1442H / 18-19 SEPTEMBER 2020
HOTEL CONCORDE, KUALA LUMPUR

MAJLIS MAKAN MALAM



BENGGKEL



YTM TENGKU MAHKOTA KELANTAN BERANGKAT KE JAJAHAN TUMPAT

25 Muharram 1442H/13 September 2020.

YTM. Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ismail Petra serta YBhg. Che Puan Sofie Louise Johansson berkenan berangkat ke Jajahan Tumpat, Kelantan. Baginda Tuanku berangkat tiba di Kediaman Rasmi Ketua Jajahan Tumpat dan disambut oleh YABrs. Ketua Jajahan dan isteri, YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan dan Datin, YB. Dato' Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Malaysia dan Datin, YB. Pengerusi Jawatankuasa Belia Sukan dan NGO Kelantan, YABhg. Dato' Pengelola Istana D'Raja Kelantan dan Datin, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat.

Baginda Tuanku telah diberikan taklimat ringkas berkenaan perkembangan dan situasi semasa Jajahan Tumpat oleh YABrs Ketua Jajahan, Timbalan Ketua Polis Tumpat serta Timbalan Pengarah Hospital Tumpat.

Seterusnya Tuanku berdua berkenan berangkat ke kediaman En. Syazwan Najmi di Kg. Pak Keral, Tumpat. Telah kehilangan isteri yang meninggal akibat komplikasi jangkitan kuman semasa melahirkan anak perempuan kembar pada 31 Mac 2020 lalu. Baginda Tuanku menzahirkan rasa kesedihan dan turut menyampaikan ucapan takziah serta mendoakan agar roh isteri beliau ditempatkan bersama golongan orang-orang yang soleh.

Sebelum berangkat pulang, Tuanku berkenan untuk meneruskan lawatan ke kilang memproses Serunding Suzara Sulaiman Enterprise dan RS Serunding di Kg. Laut, Tumpat.



HIJRATUL RASUL PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 1442H/2020M

29 Zulhijjah 1441H / 19 Ogos 2020M

KOTA BHARU – Majlis Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1442H/2020M berlangsung dalam suasana sederhana di Masjid Al-Sultan Ismail Petra Kubang kerian dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Temenggong Kelantan yang mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V.

Majlis sambutan merupakan majlis tahunan dan diadakan mengikut norma baharu dengan jumlah jemputan dihadkan selain perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa bagi mengekang penularan wabak Corona Virus (COVID-19). Majlis Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan merupakan salah satu acara tahunan rasmi Kerajaan Negeri Kelantan. Awal Muharram atau Maal Hijrah merupakan suatu hari yang penting bagi umat Islam kerana menandakan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu memperingati penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W. dari Kota Makkah ke Madinah pada tahun 622 Masihi. Majlis Sambutan ini mengingatkan kepada semua lapisan masyarakat mengenai peristiwa Hijratul Rasul S.A.W. dan menuntut kita sama-sama menghayati dan mencontohi ketabahan serta kesungguhan Baginda dan para Sahabat dalam menegakkan Syiar Islam sehingga terpancar kecemerlangan dan kegemilangan Islam merentasi Timur dan Barat.



MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN YAYASAN SULTAN KELANTAN (YSK)

01 Zulhijjah 1441H / 22 Julai 2020M

Bilik Mesyuarat Aras 2, MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim

Telah diadakan Majlis Penyampaian Sumbangan One Off untuk perbelanjaan persediaan kemasukan ke institut pengajian tinggi kepada Anak Angkat YSK bagi kumpulan 2 yang akan memulakan sesi pendaftaran ke IPT mulai bulan Ogos dan September 2020.

Sumbangan telah disampaikan oleh YM. Dato' Tengku Azmi bin Tengku Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) merangkap Setiausaha Kehormat Yayasan Sultan Kelantan Darulnaim kepada pelajar yang bernama Muhammad Imtiaaz Aziman bin Rosdi, Nur Najwa binti Mohd Zain, Syafira binti Roslin dan Warsena A/p Eh Chuoi.



KUNJUNG HORMAT KEPADA YB DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

01 Zulhijjah 1441H
22 JULAI 2020



SR. TUAN HAJI HAMIDON BIN HARON
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Harta (Operasi)
Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Malaysia

05 Zulhijjah 1441H
26 JULAI 2020



YBHG. DATO' CHE ISA BIN CHE KOB
Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)
Jabatan Audit Negara

16 Zulhijjah 1441H
06 OGOS 2020



YBRS ENCIK ABDUL HALIM BIN ABDUL HAMID
Naib Pengerusi
OCK GROUP BERHAD

22 Zulhijjah 1441H
12 OGOS 2020



YBHG. DATO' MOHD SALEH HUDDIN BIN HASSAN
Timbalan Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri

26 Zulhijjah 1441H
16 OGOS 2020



YBHG. DATO TPr. HAJI MOHD ANUAR BIN MAIDIN
Ketua Pengarah
Plan Malaysia

26 Zulhijjah 1441H
16 OGOS 2020



YBHG. DATO IR. MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN
Ketua Pengarah
Jabatan Kerja Raya

KUNJUNG HORMAT KEPADA YB DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

27 Zulhijjah 1441H
17 OGOS 2020



YBRS. ENCIK MOHD JAAFAR BIN EMBONG
Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

05 Muharram 1442H
24 OGOS 2020



YBHG. DATO' HAJI MOHD ZAIN BIN HAJI HASSAN
Ketua Pegawai Eksekutif
Alam Flora Sdn. Bhd.

06 Muharram 1442H
25 OGOS 2020



YBRS. ENCIK ZURAIIDY BIN HAJI ZAINAL ABIDIN
Pegarah
Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan

11 Safar 1442H
29 SEPTEMBER 2020



YBHG. DATO' IR. NOR HISHAM BIN MOHD GHAZALI
Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia

11 Safar 1442H
29 SEPTEMBER 2020



YBRS. ENCIK AHMAD SABRI BIN MOHD
Pegarah Bahagian Pemantauan Dan Penyelarasan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

MAJLIS PENGHADAPAN PERSATUAN PEGAWAI TADBIR NEGERI KELANTAN KEATAS YBM TENGKU TEMENGGONG KELANTAN, TENGGU TAN SRI DATO' HAJI MOHAMAD RIZAM BIN TENGGU ABDUL AZIZ MERANGKAP PENERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI KELANTAN

12 SAFAR 1442H / 30 SEPTEMBER 2020
ISTANA KOTA LAMA, KOTA BHARU





Bengkel Roti Bersama Chef Rosul Dari Harold's Bread

2 ZULHIJAH 1441 / 23 JULAI 2020

RUMAH PUSPANITA KELANTAN

Melibatkan 26 Orang Peserta dan Pembuatan 8 Jenis Roti

BENGKEL PEMBUATAN ROTI PUSPANITA NEGERI KELANTAN

Bersama Chef Rosul
PADA : 2 ZULHIJAH 1441 / 23 JULAI 2020 (KHAMIS)
MASA : 9.15 PAGI
TEMPAT : RUMAH PUSPANITA NEGERI KELANTAN



Majlis Penyampaian Sumbangan "Baktimu Terukir, Jasamu Disanjung" PUSPANITA Kelantan kepada Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

3 SAFAR 1442 / 21 SEPTEMBER 2020.

DEWAN BUNGA TERATAI, KOTA DARULNAIM.

Berlangsungnya Penyampaian Sumbangan Kepada Persatuan Veteran ATM dan 11 Orang Ahli Persatuan Veteran Atm Sempena Hari pahlawan Dan Hari Kebangsaan Tahun 2020



Program Gotong-Royong Dan Penanaman Pokok Sempena Program Kelestarian Alam Sekitar "Smart Partnership" Pejabat SUK Kelantan Bersama PUSPANITA Negeri Kelantan, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun Dan Badan Swasta

21 MUHARRAM 1442H / 09 SEPTEMBER 2020

PANTAI BISIKAN BAYU, PASIR PUTEH.



EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

26 MUHARRAM 1442H / 14 SEPTEMBER 2020

BILIK GERAKAN MABNA-MBI, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

MESYUARAT PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
DIY PERINGKAT NEGERI KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 2020



SESI PENGAUDITAN EKSA DIY KELANTAN

Audit Pensijilan Eksa DIY Pejabat Tanah Dan Jajahan gua musang 02 SEPTEMBER 2020



Audit Pensijilan Eksa DIY Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai 14 OKTOBER 2020



Audit Pensijilan Eksa DIY Pejabat Tanah Dan Jajahan machang 15 OKTOBER 2020

PEMENANG PADA PENGAUDITAN EKSA (PEJABAT SUK KELANTAN) KALI KE TIGA



PEMENANG TEMPAT PERTAMA BILIK PEGAWAI TERBAIK

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

PEMENANG TEMPAT PERTAMA RUANG KERJA TERBAIK

Pejabat Speaker Dewan Negeri



KREATIVITI DAN INOVASI

Unit Perancang Ekonomi Negeri

Anugerah Warga Contoh Bulanan (Usuah UMI) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2020

IDHAM MAHDI BIN ISMAIL
Bahagian pengurusan Korporat

NOR MAZLINA BINTI HASAN
Majlis Mesyuarat Kerajaan

MOHD NOOR KHAIRUL ANUAR BIN JAAFAR
Bahagian Pelancongan Dan Kebudayaan



Julai



Ogos



September

BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Kursus Audit Dalam MS ISO 37001:2016-Sistem Pengurusan Antirasuah Untuk Juruaudit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan 29 Zulkaedah-01 Zulhijjah 1441H bersamaan 21-22 Julai 2020

Kursus Audit Dalam MS ISO 37001:2016 - Sistem pengurusan Antirasuah Untuk Juruaudit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah berlangsung di Dewan Seminar Auditorium, Tingkat Bawah, MABNA-MBI, Kompleks Kota Darulnaim. Seramai 26 orang peserta yang merupakan Juruaudit MS ISO 37001:2016 daripada 13 Bahagian/Unit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah menghadiri kursus berkenaan. Fasilitator bagi kursus ini adalah Puan Saadiah Binti Enok daripada SIRIM STS Sdn. Bhd. Tujuan kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk memberikan pemahaman mengenai konsep pengauditan.



Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2020 07 Zulhijjah 1441H/ 28 Julai 2020

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2020 telah diadakan di Bilik Gerakan MABNA-MBI, Blok 8, Aras 1, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ketua-ketua jabatan dan agensi Negeri Kelantan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Dato' Kaya Setia Datuk Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan.

Mesyuarat bertujuan untuk mengenal pasti, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat terma rujukan yang telah ditetapkan dan mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Kebangsaan. Terma-terma rujukan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam pengurusan pentadbiran kerajaan adalah seperti Dasar, Perundangan dan Peraturan, Sistem dan Prosedur Kerja, Pengukuhan Governans dan Integriti dan yang akhir Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan. Jawatankuasa Anti-Rasuah adalah bertujuan untuk meningkatkan komitmen kerajaan merangkumi semua sektor dalam pembanterasannya rasuah sekaligus meningkatkan imej negeri.



BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

Bilik Mesyuarat Exco, Aras 7, MABNA MBI
23 Zulhijjah 1441H bersamaan 13 Ogos 2020 (Khamis)

Mesyuarat Kempen Tukar Minyak Masak Terpakai Kepada Pitih Bagi Program Kelantanku Bersih bersama Pihak KUMH (Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings) bagi menyahut seruan Kerajaan Kelantan ke arah Kelantanku Bersih.



Pejabat YB, Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan Dan Kesihatan

29 Zulhijjah 1441H Bersamaan 19 Ogos 2020 (Rabu)

Majlis angkat sumpah yang diadakan dihadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan bagi perlantikan YM Tengku Ab Rahman bin Tuan Yunus sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Kuala Krai.



Pejabat YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan
13 Muharram 1442H Bersamaan 1 September 2020 (Selasa)

Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan yang baru iaitu YABrs. En. Mohd Farid Bin Abdul Razak (YDP Majlis Daerah Bachok - Bandar Pelancongan Islam) di hadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan.



Pejabat YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan

13 Muharram 1442H Bersamaan 1 September 2020 (Selasa)

Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan yang baru iaitu YABrs. En. Hazmi Bin Abdul Hamid (YDP Majlis Daerah Machang) di hadapan YB Dr. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan.



BAHAGIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Program Disinfeksi Di Premis Penginapan Pelancongan Tahun 2020

06 Zulhijjah 1441H Bersamaan 27 Julai 2020

KOTA BHARU – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) telah menganjurkan program Disinfeksi Di Premis Penginapan Pelancongan bagi Tahun 2020 yang diadakan di Hotel Perdana, Kota Bharu pada 27 Julai 2020.



Majlis Pelancaran Baucar Penginapan Tahun Melawat Kelantan

19 Zulhijjah 1441H Bersamaan 09 Ogos 2020

KOTA BHARU – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) telah menganjurkan Majlis Pelancaran baucar Penginapan Tahun Melawat Kelantan 2020 yang diadakan di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu pada 9 Ogos 2020.



Majlis Pelancaran Bus "Kelantan Sightseeing Tour"

27 Muharram 1441 / 15 September 2020

KOTA BHARU - Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Bus "Kelantan Sighthseeing Tour" dan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara Jasa Teratai Holding Sdn. Bhd dengan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI).Program ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan Dan Pelancongan Negeri Kelantan YB Mejar (B) Dato' Haji Md. Anizam bin Ab Rahman.



BAHAGIAN KORIDOR INFRASTRUKTUR DAN SISTEM MAKLUMAT GEOSPATIAL

Sesi Perjumpaan Dengan Pihak Tenaga Nasional Berhad
12 Ogos 2020 (Rabu) bersamaan 22 Zulhijjah 1441H

SESI PERJUMPAAN DENGAN PIHAK TENAGA NASIONAL BERHAD – PENERANGAN MENGENAI PEKELILING PEMBANGUNAN BILANGAN 2 TAHUN 2020 – KEBENARAN AKSES, PEMASANGAN DAN PENEMPATAN INFRASTRUKTUR OLEH PEMBEKAL UTILITI SAMA ADA DI ATAS ATAU DI BAWAH TANAH

Satu Sesi Perjumpaan Dengan Pihak Tenaga Nasional Berhad telah diadakan di Bilik Mesyuarat Raflesia, Blok1, Aras Bawah, Kompleks Kota Darulnaim, yang dipengerusi oleh YM Tengku Kaya Perkasa, Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan). Sesi Perjumpaan ini bertujuan untuk memberikan penjelasan menyeluruh mengenai "Pekeliling Pembangunan Bilangan 2 Tahun 2020 – Kebenaran Akses, Pemasangan Dan Penempatan Infrastruktur Oleh Pembekal Utiliti Sama Ada Di Atas Atau Di Bawah Tanah" kepada pihak Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad yang terdiri daripada 11 orang wakil termasuk Ketua Unit Strategic Engagement dan Ketua Unit GRID East, dengan penglibatan beberapa jabatan yang lain seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), PLAN Malaysia @ Kelantan dan Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat SUK Kelantan. Pihak Tenaga Nasional turut membentangkan taklimat berkaitan Mekanisme Penetapan Tarif Elektrik di Malaysia kepada jemputan yang hadir.



BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

Majlis Penyampaian Penghargaan
Anugerah Warga Contoh Pejabat
SUK Kelantan Tahun 2019

16 Zulkaedah 1441H bersamaan 08 Julai 2019

Kompleks Kota Darulnaim: Telah berlangsung Majlis Penerimaan Penghargaan Anugerah Warga Contoh Pejabat SUK Kelantan Tahun 2019 bertempat di Bilik Gerakan MABNA MBI (Blok8). Hadiah disampaikan oleh YM Dato' Tengku Azmi Bin Tengku Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) kepada 12 orang penerima Anugerah Warga Contoh Bulanan dan seorang penerima Anugerah Warga Contoh Tahunan bagi tahun 2019.



BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

Mesyuarat Pemaantauan Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan Pengurusan Bilangan 1 Tahun 2020

27 Muharram 1441 / 15 September 2020
Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim



Mesyuarat Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Kompleks Kota Darulnaim Bilangan 2 Tahun 2020

28 Zulhijjah 1441H bersamaan 18 Ogos 2020
Bilik Gerakan MABNA MBI, Blok 8, Kompleks Kota Darulnaim



Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Aduan Awam Bilangan 1 Tahun 2020

13 Muharram 1442H / 01 September 2020
Bilik Gerakan MABNA MBI (Blok 8) Kompleks Kota Darulnaim



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Peringkat Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2020

26 Muharram 1442H / 14 September 2020
Bilik Gerakan MABNA-MBI, Kompleks Kota Darulnaim



Hari Bertemu Pelanggan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Sempena Majlis Pelancaran Aplikasi Digital Kelantan Pay

27 Muharram 1442H / 15 September 2020
Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim



BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bengkel System Requirement Specification (SRS) Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Bencana Negeri Kelantan (E-Bencana) Dengan Menaik taraf Sistem E-Banjir

5 Safar 1442H / 23 September 2020

Bengkel telah diadakan di Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim yang bertujuan untuk memuktamadkan spesifikasi keperluan pengguna {User Requirement Specification (URS)} dan membincangkan spesifikasi keperluan sistem.



Sesi Penilaian Anugerah Inovasi ICT Sektor Awam Negeri Kelantan Bagi Kategori Anugerah Inovasi ICT (Aiiict) Tahun 2020/ 1442H

11 & 12 Safar 1442H / 29 & 30 September 2020

Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan (AISAK) bagi kategori Inovasi ICT diteruskan untuk tahun 2020 bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada jabatan/agensi kerajaan Negeri yang berjaya menghasilkan inovasi ICT. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi Urus Setia bagi Kategori Anugerah ICT (AIIICT) tersebut. Penilaian AISAK bagi Kategori Anugerah ICT (AIIICT) telah diadakan pada 29 & 30 September 2020 masing-masing bertempat di Bilik Gerakan MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu dan Makmal ICT, BPTM. Sebanyak 15 jabatan/agensi yang menyertai sesi penilaian tersebut iaitu Yayasan Islam Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Majlis Daerah Machang, JKR Negeri Kelantan (JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik), Air Kelantan Sdn. Bhd., JKR Jajahan Gua Musang, JKR Jajahan Kuala Krai, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Yayasan Kelantan Darulnaim, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh, Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu, Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam dan Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok.





Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

TAHUKAH ANDA JAWATANKUASA PEMANTAUAN PERLAKSANAAN PROGRAM UBUDIYYAH, MAS'ULIYYAAH DAN ITQAN U.M.I TELAH DITUBUHKAN



OBJEKTIF PENUBUHAN

- > Memantau Program UMI diperingkat jabatan/agensy secara berterusan
- > Memantapkan pemahaman dan pembudayaan UMI dikalangan penjawat awam



APAKAH SKEMA PENGAUDITAN,
NAK TAHU?

BOLEH, SILA
"SCAN QR CODE"
INI LINTUK MAKLUMAT TERPERINCI

PERANAN JABATAN / BAHAGIAN:
"BERSEDIA UNTUK DIAUDIT PADA BILA-BILA MASA."

KRITERIA PEMATUHAN

- 01 **Umum**
- 02 **UBUDIYYAH**
- Kepatuhan/Taat
- 03 **MAS'ULIYYAH**
- Bertanggungjawab
- 04 **ITQAN**
- Kesungguhan dan Hasil Berkualiti

Disediakan Oleh :
Jawatankuasa Promosi U.M.I
Bahagian Pengurusan Korporat,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan